PRAKTIS PT3

# 1 Kerajaan Alam Melayu

**NAMA :**

**KELAS :**

## Bahagian A

*Pilih jawapan yang paling* **tepat**.

**1.** Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian ________.
- A timur benua Asia
- B barat benua Asia
- C tenggara benua Asia
- D selatan benua Eropah

**2.** Maklumat berikut berkaitan dengan konsep Alam Melayu.

> Penduduk Alam Melayu mempunyai ikatan keserumpunan.

Antara berikut, yang manakah aspek keserumpunan tersebut?
- I Agama
- II Bahasa
- III Budaya
- IV Ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**3.** Champa merupakan salah satu kerajaan Alam Melayu.
Apakah pusat kerajaan bagi kerajaan Champa? (TP1)
- A Indrapura
- B Vyadhapura
- C Hariharalaya
- D Kota Trowulan

**4.** Antara berikut, yang manakah sumbangan Jayavarman VII terhadap kerajaan Angkor? (TP2)
- I Meluaskan empayar
- II Membina Angkor Thom
- III Mengasaskan kerajaan
- IV Membina pelabuhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**5.** Mengapakah Patih Gajah Mada dianggap penting kepada kerajaan Majapahit? (TP4)
- A Meluaskan empayar
- B Mengasaskan kerajaan
- C Menyebarkan agama Islam
- D Menguasai laluan perdagangan

**6.** Apakah kerajaan luar yang pernah menjalinkan hubungan dengan kerajaan Alam Melayu pada abad pertama?
- A Dinasti Tang
- B Kerajaan Chola
- C Empayar Kushan
- D Kerajaan Abbasiyah

**7.** Apakah peranan Asoka sebagai pemerintah empayar Maurya? (TP2)
- A Mengembalikan keamanan
- B Menakluk empayar Maurya
- C Membina Angkor Thom
- D Menyebarkan agama Buddha

**8.** Mengapakah kerajaan Champa menghantar utusan ke China pada abad ketiga? (TP4)
- A Mendapatkan pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan
- B Memulihkan hubungan setelah berperang dengan sekutu China, iaitu Dai Viet
- C Memohon bantuan ketenteraan untuk melawan Dai Viet
- D Mengeratkan hubungan perdagangan

**9.** Apakah kepentingan kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar? (TP4)
- A Membantu kemajuan kerajaan Alam Melayu dalam pelbagai kegiatan khususnya ekonomi melalui aktiviti perdagangan
- B Sikap keterbukaan para pemerintah membawa kepada kemerosotan kerajaan Alam Melayu
- C Kerajaan Alam Melayu membangun dan maju setanding dengan kerajaan luar
- D Membantu kerajaan Alam Melayu membina kegemilangan yang agung

**10.** Para pemerintah kerajaan Alam Melayu bersikap terbuka dalam menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar.
Apakah kesan daripada sikap keterbukaan tersebut? KBAT Menilai
- A Kemakmuran negeri
- B Peningkatan penduduk
- C Penambahan sumber alam
- D Taat setia rakyat

LIVEWORKSHEETS